

AL AQSA MENUNTUT PEMBELAAN UMAT ISLAM

Ihsan: Aman Palestin

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالْعَاقِبَةُ لِلْمُتَّقِينَ وَلَا عُذْوَانَ غَلًّا عَلَى الظَّالِمِينَ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Marilah kita bersama-sama mengucap rasa syukur kepada Allah SWT di atas nikmat Iman dan Islam yang telah dikurniakan kepada kita semua. Alhamdulillah, bersyukur kepada Allah SWT kerana kita dapat melangkah kaki ke rumah Allah SWT ini dengan penuh ketenangan dan keamanan tanpa ada sebarang halangan yang menghentikan langkah kita untuk merasai nikmatnya beribadah kepada Allah SWT.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Baru-baru ini kita telah dikejutkan dengan berita sedih apabila Masjid Al-Aqsa yang terletak di Palestin yakni masjid yang ketiga suci bagi umat Islam telah diserang dan diceroboh oleh Zionis laknatullah. Mereka bertindak kejam dengan membakar bahagian dalam Masjid Al Aqsa serta memusnahkan kawasan sekitar masjid. Serangan daripada pihak Zionis ini merupakan salah satu usaha mereka dalam meruntuhkan Masjid Al Aqsa agar mereka boleh membina Haikal Sulaiman yang menjadi matlamat utama mereka selama ini.

Serangan serta pencerobohan zionis terhadap Masjid Al-Aqsa bermula pada 15 September yang lalu dan berlarutan sehinggalah ke saat ini. Sepanjang pencerobohan ini, ramai dalam kalangan rakyat Palestin telah tercedera tidak kira lelaki mahupun wanita. Kekejaman zionis ini tidak pernah mengira jantina, sedangkan anak kecil yang sedang tidur pun akan menjadi mangsa kepada keganasan mereka. Pembunuhan umat Islam ini umpama pesta keramaian buat mereka yang perlu diraikan dan dijulung tinggi ketika mereka Berjaya membunuh rakyat Palestin.

Palestin merupakan tanah milik umat Islam yang telah dijajah secara rasminya pada 15 Mei 1948. Perjuangan membebaskannya merupakan suatu tuntutan iman dan tanggungjawab seluruh umat Islam. Isu Palestin mempunyai tempat yang istimewa dalam jiwa umat Islam, ia merupakan isu aqidah dan juga mempunyai kedudukan tersendiri di dalam Al-Quran dan As-Sunnah.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Bumi Palestin, bumi perjuangan dan padanya kita mempunyai hubungan yang sangat dekat dan rapat kerana Masjid Al Aqsa terletak di bumi tersebut, wajib untuk kita pelihara dan wajib juga untuk kita perjuangkan walau dengan apa cara sekalipun. Antara kita dan Masjid Al Aqsa ada hubungan istimewa yang tidak boleh kita nafikan. Marilah sama-sama kita menghayati bagaimana istimewanya bumi Baitul Maqdis ini seperti yang dinyatakan di dalam Al-Quran dan As- Sunnah:

1. Kiblat Pertama Umat Islam

Palestin merupakan bumi yang diberkati kerana telah dipilih oleh Allah SWT untuk menjadikan Masjid Al-Aqsa sebagai kiblat pertama umat Islam. Rasulullah bersama-sama dengan para sahabat telah berkiblatkan Masjid Al-Aqsa setelah solat disyariatkan pada malam Israk dan Mikraj.

2. Bumi Israk dan Mikraj

Allah SWT telah menjadikan Masjid Al-Aqsa sebagai destinasi terakhir perjalanan Isra di bumi dan permulaan perjalanan Mikraj ke langit. Sebagaimana firman Allah SWT:

سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَىٰ بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِّنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَى الَّذِي بَارَكْنَا
حَوْلَهُ لِنُرِيَهُ مِنْ آيَاتِنَا إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ

“Maha Suci Allah yang telah menjalankan hambaNya pada malam hari dari Masjid Al-Haraam ke Masjid Al-Aqsa, yang Kami berkati sekelilingnya, untuk memperlihatkan kepadanya tanda-tanda kami. Sesungguhnya Allah jualah yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.” (Surah Al-Israa’ : 1)

3. Masjid Ketiga yang dimuliakan

لَا تُشَدُّ الرَّحَالُ إِلَّا إِلَى ثَلَاثَةِ مَسَاجِدَ : الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ ، وَمَسْجِدِ الرَّسُولِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ،
وَمَسْجِدِ الْأَقْصَى

“Tidak ditekankan bepergian kecuali ke tiga masjid : Masjid Al-Haraam, Masjid Rasulullah SAW dan Masjid Al-Aqsa.” (HR Al-Bukhari)

Hadith lain juga diriwayatkan daripada Abu Darda’ RA:

فُضِّلَ الصَّلَاةُ فِي الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ عَلَى غَيْرِهِ مِائَةَ أَلْفِ صَلَاةٍ ، وَفِي مَسْجِدِي أَلْفِ صَلَاةٍ ، وَفِي
مَسْجِدِ بَيْتِ الْمَقْدِسِ خَمْسِمِائَةِ صَلَاةٍ

“Kelebihan solat di Masjid Al-Haram berbanding selainnya 100,000 kali solat, dan di masjidku 1000 kali solat, dan di Masjid Baitul Maqdis 500 kali solat.” (HR Al-Bazzar)

5. Terletaknya Baitul Maqdis Kota Besar Umat Islam yang Ketiga

Baitul Maqdis merupakan kota besar Islam yang ketiga yang telah dimuliakan Allah dengan Masjid Al-Aqsa serta kawasan yang diberkati sekelilingnya. Berdasarkan Hadith yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim dari Abu Hurairah dan Abu Said al-khudri bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Janganlah kamu bersusah payah untuk bermusafir kecuali untuk menuju ke tiga masjid iaitu: Masjidil Haram, Masjidku (Masjid Nabawi) dan Masjid Al Aqsa.”

6. Bumi Perjuangan

Bumi Palestin merupakan bumi perjuangan dan bumi Jihad, kerana di sana letaknya sekelompok umat Islam yang teguh berjuang dalam menegakkan kebenaran sehinggalah ke hari kiamat. Hal ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Abu Umamah al-Bahili bahawa Rasulullah SAW telah bersabda yang bermaksud:

“Sentiasa akan ada sekelompok dari **umatku yang sentiasa berjuang** bersama-sama kebenaran, mencabar dan menentang musuh-musuh mereka. Musuh-musuh mereka tidak dapat memberi mudarat kepada mereka sehingga Allah mendatangkan keputusannya. Mereka tetap dalam keadaan demikian.” Maka para sahabat bertanya, “**Dimanakah mereka?**” Jawab Rasulullah. “**Di Baitul Maqdis dan sekitarnya**” Hadis diriwayatkan oleh Abdullah ibnu Ahmad dalam Musnad Ahmad.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Bumi Palestin dan seluruhnya merupakan tanah wakaf umat Islam sepertimana yang telah diisytiharkan oleh Saidina Umar Bin Al Khatab suatu ketika dahulu. Seharusnya kita melihat kembali sejarah kegemilangan tokoh-tokoh hebat umat Islam terdahulu dalam membebaskan Palestin. Lantas kelemahan yang telah zionis gariskan kepada umat Islam, selak kembali sejarah kegemilangan tamadun Islam kuburkan perasaan malas dalam diri kita kerana Allah hadirkan kita dimuka bumi ini untuk melunaskan tanggungjawab sebagai seorang khalifah yang menggalas tanggungjawab dakwah dan sebagai pemegang amanah.

Pasakkan semangat perjuangan Sallahudin Al Ayubi dalam hati kita,nyalakan semangat jihad Tariq Bin Ziyad dalam diri. Marilah kita bersama-sama menjadi muslim yang semarak jihad dalam diri bukannya meruntuhkan, berusaha dalam menyempurnakan iman bukannya memusnahkan.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Darah para syuhadah menjadi tapak kepada pembebasan Masjid Al Aqsa suatu ketika dahulu. Nyawa mereka menjadi dinding kepada kekejaman zionis yang ingin meruntuhkan Masjid Al Aqsa. Di mana kita dalam perjuangan ini? Apa yang telah kita lakukan? Apa yang telah kita sumbangkan? Apakah kita sekadar melihat sahaja, menunggu sorakan Zionis di atas kejahatan mereka meruntuhkan Masjid Al-Aqsa dan membunuh umat Islam di bumi Palestin. Oleh itu, bangun, bangkit dan berjuanglah kita bersama-sama untuk menghadapi kejahatan dan kezaliman Zionis yang semakin hari semakin menunjukkan kejahatan mereka untuk memusnahkan Masjid Al Aqsa. Sesungguhnya Masjid Al-Aqsa terlalu merindui derapan langkah umat Islam sedunia untuk mengunjunginya.

Ketahuilah bahawa isu Palestin dan Masjid Al-Aqsa bukan milik rakyat Palestin sahaja bukan juga milik umat Arab semata-mata, tetapi ia adalah isu umat Islam sejagat dan ia juga merupaakn isu antarabangsa yang berdiri di atas dasar kemanusiaan sejagat. Dan saat ini Masjid Al-Aqsa sedang berhadapan dengan kekejaman Zionis Yahudi yang begitu bersungguh hendak menghancurkan segala monumen dan tinggalan-tinggalan sejarah Islam yang ada di Masjid Al-Aqsa. Justeru, marilah kita bersama-sama mempersiapkan diri untuk menghadapi konspirasi-konspirasi yang telah dicipta oleh kunci-kunci atau agen Zionis Yahudi. Sesungguhnya setiap umat Islam mempunyai peranan masing-masing. Jadilah hamba yang sentiasa bersyukur dengan menyumbangkan sebahagian daripada nikmat pemberian Allah SWT dalam perjuangan umat Islam di bumi Palestin. Oleh itu, bersama-samalah bermuhasabah, merenung serta tanyalah diri kita: "Apakah sumbangan dan pengorbanan kita untuk membebaskan Al-Aqsa? "

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Walaupun kesakitan Masjid Al-Aqsa semakin tenat dari hari ke hari namun, sesungguhnya Rasulullah telah menghantarkan khabar gembira bahawasanya suatu hari nanti bumi Palestin akan melakar kemenangan.

لا تقوم الساعة حتى يقاتل المسلمون اليهود فيقتلهم المسلمون حتى يختبئ اليهود من وراء الحجر والشجر فيقول الحجر أو الشجر يا مسلم! يا عبد الله! هذا يهودي خلفي فتعال فاقته إلا الغرقد فإنه من شجر اليهود

"Tidak akan berlaku Kiamat sehinggalah orang-orang Islam memerangi Yahudi. Orang-orang Islam akan membunuh mereka sehingga bersembunyi Yahudi di sebalik batu dan pokok. Batu dan pokok akan bersuara : 'Wahai muslim! Wahai hamba Allah! Di belakangku ini ada Yahudi, marilah ke sini untuk membunuhnya', kecuali pokok Gharqad, kerana sesungguhnya ia merupakan pokok Yahudi."
(HR Muslim)

Maka dalam usaha menuju kemenangan ini dan dalam perjuangan ini. Marilah bersama-sama berjuang untuk membebaskan Masjid Al-Aqsa. Curahkan segala pengorbanan, apa jua bentuk sumbangan dan kelebihan, ilmu dan apa jua kepakaran yang kita miliki ke jalan Allah SWT, seterusnya berikanlah segala tenaga, usaha dan fikrah kita untuk berjihad di jalan Allah SWT.

Semoga segala usaha yang kita sumbangkan ini menjadi amal soleh yang akan menjadi penyebab untuk kita masuk ke syurga Allah SWT, insyaa Allah.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Oleh yang demikian, sebagai umat Islam kita perlu memainkan peranan yang penting dalam membebaskan bumi Palestin serta Masjid Al Aqsa. Pengertian dan maksud jihad itu, bukan semata-mata atas maknanya jihad dengan mengangkat senjata di bumi Palestin, malahan jihad itu juga atas nama jihad dari segi harta benda, jihad ucapan, jihad dengan memboikot ekonomi musuh dan sebagainya. Marilah kita bersama-sama menghidupkan roh dan semangat jihad dalam diri umat Islam dan menghapuskan sifat cintakan dunia serta takutkan mati.

Sesungguhnya umat Islam juga telah banyak menyumbang dan berperanan dalam membantu untuk menyelamatkan Masjid Al-Aqsa, umat Islam dan bumi Palestin, antaranya:

1. Menghulurkan derma dalam apa jua bentuk untuk umat Islam di Palestin.
2. Mengadakan pameran-pameran mengenai apa yang berlaku di bumi Palestin, di masjid-masjid, surau-surau, dewan-dewan serbaguna atau sebagainya.
3. Menghidupkan perasaan dan sensitiviti terhadap apa yang sedang berlaku di Palestin, sama ada pencabulan tempat-tempat suci umat Islam, pembunuhan atau pencabulan ke atas kehormatan anak-anak gadis mereka.
4. Termasuk mendokong dan menyokong usaha untuk memboikot sumber ekonomi musuh (Zionis). Sebagaimana seruan yang telah dikeluarkan oleh Kesatuan Ulama' Islam Sedunia sejak beberapa tahun lepas.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Sekiranya bangsa Yahudi dimotivasikan dengan Kitab Talmud mereka, maka umat Islam semestinya memotivasikan diri dengan Kitab Suci Al-Quran. Berpeganglah pada Al-Quran dan As-Sunnah untuk memastikan hak dan agama kita tidak dipijak dan dipermainkan oleh musuh-musuh Islam.

Ya Allah! hamba-hamba-Mu ini menadah tangan memohon pertolongan kepada-Mu Yang Amat Pengasih terhadap para hamba-Nya. Selamatkanlah Masjid al-Aqsa daripada terus dicerobohi dan dimusnahkan oleh Yahudi bangsa yang dilaknat olehmu itu.

Ya Allah!, selamatkanlah kiblat pertama umat Islam dan tempat Isra' Rasul-Mu ini dari pada terus dijajah dan dikuasai oleh bangsa yang jelas melakukan kerosakan di atas muka bumi ini.

Allaahumma ya *Aziz* ya *Muntaqim!*, satukanlah hati-hati umat Islam dengan ikatan yang satu, demi mempertahankan tanah suci Baitul Maqdis. Berikanlah kepada kami kemenangan yang hakiki dan seterusnya memperoleh kejayaan abadi di Akhirat nanti. Lembutkanlah hati-hati kami untuk sentiasa menghulurkan pertolongan dan bantuan kepada saudara kami di Palestin dan jadikanlah kehidupan kami sebagai secebis perjuangan untuk membebaskan bumi yang tercinta Palestin.

بَارِكْ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعْنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّيْ
وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ وَاسْتَغْفِرُ اللَّهُ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ



Diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah